



# AAZ GLOBAL SDN. BHD. ( 849358-U )

No. 12-1, Jalan Temenggung 17/9, Seksyen 9,  
Bandar Mahkota Cheras,  
43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-9074 1825 Fax : 03-9074 0397

28 JUN 2024

Pegawai Latihan  
Hubungan Industri

**PER: PERMOHONAN BAGI PELAJAR LATIHAN INDUSTRI BAGI PENGAMBILAN TAHUN 2025.**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan, syarikat kami adalah 100% Bumiputera yang terletak di Bandar Mahkota Cheras, Selangor ingin menawarkan syarikat kami untuk dijadikan tempat Latihan Industri kepada pelajar yang berminat. Berikut adalah kriteria pelajar yang diperlukan:

**Pelatih Perempuan:**

**Latar belakang: Mempunyai pengetahuan dalam bidang Pengurusan/ Pengurusan Pejabat/Pemasaran/Akaun dan lain-lain bidang yang berkaitan. (Pentadbiran)**

**Pelatih Lelaki:**

**Latar belakang: Mempunyai pengetahuan dalam bidang Mekanikal & Elektrikal (Penghawa Dingin/Penyaman Udara, Pencegah Kebakaran, atau lain-lain pengetahuan dalam bidang Mekanikal dan Elektrikal yang berkaitan. (Juruteknik)**

3. Sehubungan itu, pihak kami akan menawarkan elaun kepada pelajar sebanyak RM 500-RM 700 sebulan). Selain itu, pihak syarikat turut menyediakan kemudahan **asrama** bagi kemudahan **pelatih lelaki** sahaja.

4. Mana-mana pelajar yang berminat, mereka boleh mengemukakan resume dan butiran yang lain kepada kami melalui e-mail: [aazglobal@gmail.com](mailto:aazglobal@gmail.com) atau melalui **faks: 03-90740397**. Sebarang maklumat lanjut sila hubungi Puan Jannah di talian **03-90741825**.

Pihak kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan dapat mengambil maklum akan perkara ini dan kerjasama daripada pihak tuan kami ucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,  
**AAZ GLOBAL SDN BHD**

